



SIARAN AKHBAR

LAWATAN KERJA MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN KE KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN KANDOL, DAERAH BELAIT

Mukim Bukit Sawat

Hari Khamis, 27 Ramadhan 1441H bersamaan 21 Mei 2020M

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah mengadakan lawatan kerja ke Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Kandol pada hari ini yang antara lain bertujuan bagi meninjau perkembangan kerja-kerja penanaman padi di kawasan tersebut.

Hadir sama menyertai rombongan lawatan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ialah Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Mulia Dayang Hajah Salawati binti Haji Puasa, Pengarah Kemajuan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dayang Hajah Masliana Yuliah binti Abdullah, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan serta pegawai-pegawai kanan dan para pegawai daripada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Kementerian Pembangunan; Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Jabatan Pertanian dan Agrimakanan; dan pihak Syarikat PaddyCo Sdn. Bhd.

Kedatangan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta rombongan telah dialu-alukan oleh Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) selaku Pengerusi Syarikat PaddyCo Sdn. Bhd.; Yang Mulia Dayang Fuziah binti Haji Hamdan, Pengurus Am Syarikat PaddyCo Sdn. Bhd. serta para pegawai dan kakitangan Syarikat PaddyCo Sdn. Bhd.

Aturcara lawatan tersebut didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Mulia Awang Haji Mohd Nazelley bin Noorashid, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, diikuti dengan majlis penanaman padi yang dilaksanakan oleh Syarikat PaddyCo Sdn. Bhd. di Lot 2, KKP



Kandol (Fasa 1) yang disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Pelaksanaan penanaman padi di KKP Kandol (Fasa 1) ini adalah merupakan kali kedua dengan ianya masih dikendalikan oleh Syarikat PaddyCo Sdn. Bhd., iaitu sebuah anak syarikat di bawah Darussalam Assets Sdn. Bhd. Penanaman kali kedua ini juga adalah berikutan kejayaan penanaman padi musim pertama yang mana telah dirasmikan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 28 Oktober 2019 yang lalu. Pada musim pertama tersebut, Syarikat PaddyCo Sdn. Bhd. telah berjaya menghasilkan sebanyak 21.7 tan metrik padi Sembada188 daripada kawasan penanaman padi seluas tujuh (7) hektar. Bagi musim kedua ini pula, penanaman padi akan dilaksanakan di kawasan seluas sekitar 18 hektar.

Oleh itu, sebagai kesinambungan, Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Berkeluasan 500 Hektar, Kawasan Kandol, Daerah Belait ini diteruskan lagi dengan pembukaan tawaran bagi kerja-kerja pembinaan infrastruktur kawasan Fasa 2 yang telah bermula pada 29 April 2020 yang lalu. Kerja-kerja pembinaan infrastruktur dijangka akan bermula pada Julai 2020 dan dianggarkan akan mengambil masa selama 30 bulan. Kerja-kerja infrastruktur Fasa 2 bagi keseluruhan kawasan dijangka akan siap pada Januari 2023, menjadikan keluasan kawasan penanaman padi di KKP Kandol seluas 500 hektar.

Di samping kerja-kerja pembukaan kawasan penanaman padi baru bagi mengembangkan lagi kawasan penanaman padi di Negara ini, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga masih lagi giat menggalakkan penanaman padi menggunakan varieti padi hibrid berhasil tinggi Sembada188 secara berperingkat-peringkat khususnya di kawasan-kawasan penanaman padi yang mempunyai sistem pengairan dan saluran yang lengkap dan teratur bagi meningkatkan lagi hasil dan produktiviti padi. Setakat ini, pada Musim Utama 2019/2020 yang lalu, seluas 260 hektar telah ditanam menggunakan varieti padi Sembada188 yang mana sebahagian besar adalah di KKP Wasan. Penanaman varieti padi Sembada188 juga



diteruskan di Luar Musim 2020 yang mana melibatkan keseluruhan kawasan KKP Wasan seluas 280 hektar.

Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Berkeluasan 500 Hektar, Kawasan Kandol, Daerah Belait, dan Program Penanaman Padi Sembada 188 di kawasan yang mempunyai sistem pengairan dan saluran yang lengkap dan teratur tersebut adalah merupakan antara usaha-usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke arah meningkatkan lagi keluaran serta tahap sara diri bekalan beras Negara dalam memastikan sekuriti makanan bekalan beras di negara ini adalah terjamin.

Berdasarkan statistik semasa, setakat ini, pengeluaran padi bagi suku pertama (Q1) tahun 2020 (Januari – Mac) telah menunjukkan pertumbuhan yang positif dengan peningkatan sebanyak 36 peratus berbanding Q1 tahun 2019, iaitu masing-masing mencatatkan 1,801.38 tan metrik padi berbanding 1,324.62 tan metrik padi tahun sebelumnya.

Bermula sejak bulan April yang lalu, penanaman padi juga sedang giat dilaksanakan bagi Luar Musim 2020 di beberapa kawasan khususnya yang mempunyai sistem pengairan dan saluran termasuklah KKP Limau Manis, KKP Bebuloh, KKP Wasan dan KKP Panchor Murai di Daerah Brunei dan Muara. Penanaman padi Luar Musim 2020 ini akan menambah lagi bekalan padi dan beras negara bagi tahun 2020.

Disediakan oleh:

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 27 Ramadan 1441 bersamaan 21 Mei 2020